

16 APR 1999

Mahathir-kunjung

DR MAHATHIR DIKUNJUNGI MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sedang berehat setelah keluar dari hospital awal minggu ini, dikunjungi rombongan menteri besar dan ketua menteri di kediaman peribadinya di Sungai Besi hari ini.

Perdana Menteri yang dirawat kerana jangkitan paru-paru, berbual-bual selama sejam dengan pelawat-pelawatnya itu.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Semua menteri besar dan ketua menteri hadir kecuali Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin dan Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid.

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud pula diwakili oleh timbalannya Tan Sri Alfred Jabu.

Yang turut serta dalam rombongan itu ialah Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail dan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Mohamed Yaacob.

Perdana Menteri telah dimasukkan ke Institut Jantung Negara pada 2 April akibat infeksi paru-paru selepas kembali dari menunaikan ibadah haji. Beliau dibenarkan keluar Isnin lepas.

Pada Rabu, Dr Mahathir dikunjungi Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah manakala Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar melawatnya di IJN.

Walaupun sudah sihat, doktor menasihati beliau supaya terus berehat di rumah sebelum kembali bertugas.

-- BERNAMA

MHI MAI